

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



IMPAK BENGKEL PEMBELAJARAN KOSA KATA ARAB
TERHADAP TAHAP KEMAHIRAN PELAJAR MENGGUNAKAN
STRATEGI DAN PENDEKATAN METAKOGNITIF

*THE IMPACT OF THE ARABIC VOCABULARY LEARNING WORKSHOP ON
STUDENTS' SKILL LEVELS EMPLOYING STRATEGIES AND
METACOGNITIVE APPROACHES*

Nadhilah Abdul Pisal^{1*}, Nur Zaakirah Abd Hamid², Nadiah Abd Rahim³, Umami Syarah Ismail⁴,
Aznida Aziz⁵

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: nadhilah@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: 2023448306@student.uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: 2023199483@student.uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: ummi@uitm.edu.my

⁵ Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Dato' Razali Ismail, Malaysia
Email: dr.aznida@ipgm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.06.2025

Revised date: 10.07.2025

Accepted date: 14.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Abdul Pisal, N., Abd Hamid, N. Z.,
Abd Rahim, N., Ismail, U. S., & Aziz,
A. (2025). Impak Bengkel
Pembelajaran Kosa Kata Arab
Terhadap Tahap Kemahiran Pelajar
Menggunakan Strategi Dan
Pendekatan Metakognitif.
International Journal of Education,

Abstrak:

Penguasaan kosa kata bahasa Arab yang baik merupakan asas utama untuk membantu individu meningkatkan kecekapan dalam pelbagai kemahiran bahasa. Walau bagaimanapun, masih banyak kajian yang melaporkan kelemahan pelajar di Malaysia dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Justeru, pendekatan strategi menghafal yang diketengahkan oleh kebanyakan guru dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab perlu diperluaskan dengan pendekatan cara belajar yang lain memandangkan tidak semua pelajar berjaya menggunakannya secara kreatif. Dengan itu, kajian deskriptif ini dijalankan untuk meninjau impak bengkel cara belajar kosa kata bahasa Arab terhadap tahap kemahiran pelajar menggunakan strategi dan pendekatan metakognitif. Seramai 32 orang pelajar tingkatan 4 dari tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sekitar Kedah terlibat sebagai peserta bengkel ini yang menekankan aspek teori dan aplikasi. Dari sudut teori, pelajar diajar mengenai dua konsep utama iaitu; a) penggunaan strategi pembelajaran kosa kata serta b) pendekatan proses metakognitif. Seterusnya, tiga aktiviti bahasa diketengahkan untuk meninjau kefahaman pelajar mengenai cara belajar dan

Psychology and Counseling, 10 (59),
739-754.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059054

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



penggunaannya secara praktikal. Setelah berakhirnya bengkel, soal selidik diedarkan kepada pelajar untuk pengumpulan data. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan SPSS versi 22. Berdasarkan perbandingan laporan sebelum dan selepas program, dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan tahap kemahiran menggunakan strategi dan pendekatan metakognitif dalam kalangan pelajar kepada tahap tinggi sama ada secara keseluruhan, berdasarkan kategori mahupun item. Pelajar didapati lebih mahir menggunakan strategi mengingat berbanding strategi memahami makna dan menggunakan kosa kata selepas bengkel. Seterusnya, pelajar didapati lebih mahir menggunakan kemahiran menilai dalam pendekatan metakognitif berbanding kemahiran merancang dan memantau. Kesimpulannya, kemahiran belajar pelajar boleh ditambah baik secara berkala untuk membiasakan diri dengan beberapa kemahiran yang jarang digunakan. Dengan itu, para pendidik boleh mengambil pendekatan eksplisit dengan mendedahkan strategi belajar yang pelbagai dan melatih penggunaannya untuk membantu proses pemerolehan kosa kata pelajar.

Kata Kunci:

Kosa Kata, Bahasa Arab, Strategi Pembelajaran, Metakognitif, Bengkel

Abstract:

A proficient command of Arabic vocabulary is the main foundation for assisting individuals in enhancing their proficiency in various language skills. However, there are still numerous studies that report the weaknesses of Malaysian students in mastering Arabic vocabulary. Thus, the memorisation strategy approach that is emphasised by most teachers in Arabic vocabulary teaching needs to be expanded with other learning methods, as not all students are successful in using it creatively. Therefore, this descriptive study was conducted to examine the impact of the Arabic learning workshop on students' skill levels using strategies and metacognitive approaches. A total of 32 Form 4 students from three National Religious Secondary Schools (SMKA) in Kedah participated in this workshop, which emphasises both theoretical and practical aspects. From a theoretical perspective, students were taught about two main concepts, namely (i) the use of vocabulary learning strategies and (ii) the metacognitive process approach. Next, three language activities were highlighted to explore students' understanding of how to learn and their practical implementation. After the workshop, questionnaires were distributed to the students for data collection. The data were then analysed descriptively using SPSS version 22. Based on a comparison of reports before and after the programme, the study findings showed an increase in the level of skills in using strategies and metacognitive approaches among students to a high level, whether overall or based on categories, or items. Students were found to be more proficient in using memorisation strategies compared to strategies for understanding meaning and using vocabulary after the workshop. Furthermore, students were found to be more proficient in using evaluation skills in the metacognitive approach compared to planning and monitoring skills. In conclusion, students' learning skills can be improved periodically by familiarising themselves with some skills that are rarely used. Therefore, teachers can take an explicit approach by exposing them to various learning strategies and practising their use to assist the students' vocabulary acquisition process.

Keywords:

Vocabulary; Arabic Language; Learning Strategies; Metacognitive; Workshop

Pengenalan

Pembelajaran bahasa Arab bukanlah suatu pembelajaran yang asing bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Hal ini kerana secara khususnya para pelajar telah mempelajari bahasa Arab semenjak mereka memasuki tingkatan satu lagi (Samah et al., 2023). Malahan, terdapat juga kelas aliran agama yang diperkenalkan di Sekolah Menengah Kebangsaan, yang mengetengahkan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran penting bagi aliran ini. Bagi menguasai kemahiran berbahasa Arab, pelajar terlebih dahulu perlu menguasai kosa kata. Hal ini demikian kerana penguasaan kosa kata dapat mempengaruhi keupayaan seseorang untuk menguasai bahasa (Baharudin et al., 2017). Dengan penguasaan kosa kata yang banyak dan pemahaman maknanya, kecekapan berbahasa secara amnya juga dapat ditingkatkan (Baharudin & Ismail, 2016; Maskor & Baharudin, 2020). Tanpa kosa kata, pelajar dikatakan tidak akan dapat menguasai kemahiran berbahasa yang pelbagai (Hunt & Beglar, 2005; Fatdha & Wahyuni, 2018; Ngalawi & Zainal, 2020; Fu'adah, 2021; Jaili & Hamdan, 2023). Maklumat ini selari dengan dapatan kajian Girma et al. (2025) yang turut melaporkan sebahagian besar pelajar dalam kajian mereka menyedari bahawa kekurangan kosa kata sememangnya bakal menghalang penguasaan empat kemahiran berbahasa seperti menulis, bertutur, membaca dan mendengar.

Dari sudut penguasaan kosa kata bahasa Arab di Malaysia, terdapat kajian melaporkan pelajar masih kurang menguasai kosa kata dari aspek kuantiti dan kualiti di peringkat pengajian tinggi (Razak & Samah, 2018). Berdasarkan pandangan 12 orang guru sekolah menengah agama yang mengajar subjek *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) dalam kajian Jamil et al. (2020) pula, antara masalah utama yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab ialah kekurangan kosa kata. Kajian literatur oleh Abdullah dan Bakar (2022) turut mengungkapkan perkara yang sama dengan menyatakan kelemahan penguasaan kosa kata ini dapat diperhatikan berdasarkan bilangan kosa kata yang tidak mencukupi. Isu ini akan memberi kesan negatif kepada usaha pelajar untuk menguasai bahasa Arab, selain dapat menjejaskan penguasaan kemahiran bahasa dan keputusan peperiksaan mereka. Selain itu, kelemahan penguasaan kosa kata bahasa Arab ini turut dikaitkan dengan kedah pengajaran kebanyakan guru di Malaysia yang terhad kepada kaedah menghafal semata-mata untuk mengingat kosa kata (Aluwi & Ghani, 2023). Pendekatan yang digunakan oleh guru dapat mempengaruhi cara pelajar mempelajari sesuatu bahan pembelajaran. Oleh itu, guru perlu mendedahkan penggunaan pelbagai strategi belajar untuk membantu proses pembelajaran yang lebih efektif.

Dalam proses pembelajaran abad-21, pendekatan pengajaran perlu lebih berpusatkan pelajar (*student-centered*). Pelajar perlu diketengahkan dengan pelbagai cara belajar untuk meningkatkan kreativiti dan mampu memantau perkembangan proses pembelajaran sendiri sepanjang masa. Kamaruddin dan Baharudin (2017) berpendapat pendedahan strategi pembelajaran secara lebih meluas dan sistematik boleh dijalankan menerusi bengkel kesedaran penggunaan strategi selain tidak terlalu menumpukan kepada strategi yang bersifat tradisional dan diketahui oleh pelajar seperti menghafal dan menulis perkataan baharu berulang kali. Selain mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan strategi pembelajaran kosa kata yang pelbagai, pelajar juga perlu mempunyai kesedaran metakognitif untuk merancang proses pembelajaran yang lebih berkesan selain berkemampuan memantau dan menilai proses pembelajaran sendiri.

Susulan kelemahan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar yang masih berlarutan sehingga kini, justeru bengkel yang memperkenalkan konsep 'belajar cara belajar' untuk peningkatan kosa kata bahasa Arab diketengahkan kepada para pelajar dengan mengintegrasikan aspek teori

bersama aplikasi. Pendedahan teori cara belajar dapat membantu proses pembelajaran kosa kata melalui penjelasan konsep strategi pembelajaran dan pendekatan metakognitif. Seterusnya, sesi praktikal dijalankan melalui tiga aktiviti bahasa yang berbeza untuk memastikan pelajar dapat mengintegrasikan maklumat teori yang diterima ke dalam proses pembelajaran yang berbentuk aplikasi. Pelaksanaan kajian seumpama ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan amalan pengajaran kosa kata yang lebih tertumpu pada pelajar dan efektif untuk meningkatkan kesedaran mereka supaya lebih aktif menyelia perkembangan pembelajaran secara sendiri.

Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menilai impak bengkel yang menekankan penyampaian teori dan pelaksanaannya dalam aktiviti pembelajaran kosa kata yang pelbagai terhadap kemahiran belajar pelajar dengan memfokuskan kepada objektif kajian berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kemahiran pelajar menggunakan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab sebelum dan selepas mengikuti bengkel.
- ii. Mengenal pasti tahap kemahiran pelajar menggunakan pendekatan metakognitif dalam pembelajaran kosa kata sebelum dan selepas mengikuti bengkel.

Sorotan Literatur

Proses pembelajaran kosa kata bukan sekadar menghafal kosa kata, tetapi pelajar perlu memahami perubahan bentuknya, makna dan penggunaannya dalam konteks sebenar. Selain terdedah kepada pelbagai kosa kata, pelajar perlu diperkenalkan kepada strategi pembelajaran untuk membantu mereka menangani masalah kekurangan kosa kata (Khatib, & Zainal, 2018). Jika ditinjau tahap penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah, beberapa penemuan menunjukkan tahap penggunaan pelajar masih berada pada tahap sederhana (Baharudin, 2014; Pisal, 2016; Kamaruddin, & Baharudin, 2017; Rahman, 2020). Penggunaan strategi pada tahap sederhana ini menunjukkan pelajar masih kurang terdedah kepada pelbagai bentuk strategi pembelajaran serta kurang kesedaran mengenai kepentingan strategi untuk membantu pembelajaran.

Antara penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang sering digunakan oleh pelajar Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) dalam kajian Kamaruddin dan Baharudin (2017) ialah strategi metakognitif dan strategi hafalan. Dalam kajian tersebut, pelajar cemerlang didapati sering mempelbagaikan penggunaan strategi pembelajaran jika dibandingkan dengan pelajar lemah yang lebih tertumpu pada strategi mengingat perkataan baharu sahaja. Kajian Pisal et al. (2024) terhadap pelajar universiti yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing pula melaporkan pelajar lelaki dan perempuan cenderung menggunakan strategi menggunakan kamus berbanding penggunaan strategi yang lain. Seterusnya, pelajar lelaki dikatakan paling kurang menggunakan strategi metakognitif, manakala pelajar perempuan didapati paling kurang menggunakan strategi praktis.

Penemuan kajian terkini oleh Masnun et al. (2024) terhadap pelajar tingkatan 4 yang menentengahkan proses pembelajaran kosa kata bahasa Arab melalui program pendekatan rakan sebaya, penggunaan silibus khusus (*Kitab Af'al*) dan pendedahan penggunaan strategi tertentu dilaporkan dapat membantu peningkatan kosa kata pelajar. Antara strategi yang dikatakan berkesan dalam menghafal kata kerja bahasa Arab ialah menggabungkan pengulangan, aplikasi praktikal dan pengelompokan maklumat. Bagi melancarkan proses pembelajaran kosa kata, Ghasemi et al. (2019) mencadangkan supaya pelajar bijak memilih strategi yang sesuai digunakan berdasarkan pengajaran strategi secara eksplisit oleh pendidik. Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, masih kurang kajian yang memberi tumpuan

kepada bidang pengajaran strategi pembelajaran ini di Malaysia jika dibandingkan dengan kajian tinjauan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata Arab. Justeru, kajian lanjutan yang meneroka keperluan bidang baru ini perlu diteruskan untuk mendapat maklumat yang lebih meluas keberkesanan pendedahan penggunaan sesuatu strategi kepada pelajar untuk membantu penguasaan kosa kata.

Selain penekanan kepada pengajaran penggunaan strategi belajar, pelajar juga perlu diberi pendedahan mengenai pendekatan metakognitif. Pendekatan metakognitif berdasarkan Anderson (2002) boleh ditakrifkan sebagai “*thinking about thinking*” (hlm. 3). Dengan adanya pengetahuan metakognitif, seseorang individu dapat berfikir secara mendalam bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang belum pasti jawapannya dengan memikirkan tindakan penambahbaikan yang sesuai untuk mengatasinya menerusi strategi ataupun pendekatan tertentu. Pendekatan metakognitif ini penting kerana dapat membantu proses pembelajaran yang lebih efektif dari segi pemilihan strategi belajar, masa penggunaannya dan menyesuaikan penggunaannya mengikut kesesuaian keadaan (Qizi, 2025). Menurut Qizi (2025), kesedaran metakognitif ini boleh dipupuk dengan membantu pelajar merenung pembelajaran kembali, menunjukkan tindakan yang sesuai dan menyesuaikan penggunaan strategi. Bagi memastikan kemahiran metakognitif ini dapat dikuasai dengan baik, kaedah pengajaran yang menyeluruh dan latihan boleh dijalankan ke atas pelajar (Bassous, 2019).

Metodologi

Peserta kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat dari tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sekitar Kedah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jerlun, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Yan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sik. Seramai 32 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada 16 orang pelajar lelaki dan 16 orang pelajar perempuan yang mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab yang berbeza sama ada cemerlang ataupun lemah. Gabungan pelajar cemerlang dan lemah ini dapat membantu pelaksanaan aktiviti berkumpulan berjalan lancar kerana pelajar dapat saling membantu antara satu sama lain. Pemilihan peserta kajian ini dibuat berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun bahasa Arab Tingkatan Tiga yang diperoleh oleh para pelajar. Pelaksanaan bengkel dijalankan secara berasingan bagi setiap sekolah bagi memastikan pelajar dapat memahami konsep teori dan aplikasi dengan lebih berfokus.

Semasa bengkel dijalankan, pelajar didedahkan kepada konsep, kepentingan dan cara menggunakan strategi serta pendekatan metakognitif yang dapat membantu sepanjang pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Seterusnya, terdapat tiga slot aktiviti yang diketengahkan kepada pelajar untuk membantu mereka mempelajari strategi pembelajaran kosa kata tertentu sebelum mengaplikasikannya dalam aktiviti yang diberikan. Dalam setiap aktiviti, pelajar didedahkan kepada tiga strategi pembelajaran kosa kata baharu sebelum mengaplikasikannya dalam setiap aktiviti. Dalam aktiviti pertama, pelajar diajar menggunakan tiga strategi memahami makna kosa kata. Aktiviti kedua pula, pelajar diajar menggunakan strategi mengingat kosa kata, manakala aktiviti ketiga, pelajar diajar strategi menggunakan kosa kata. Perjalanan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Aktiviti pertama diberi nama (استكشاف اللغة): Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan (empat orang pelajar) dengan gabungan dua orang pelajar cemerlang dan dua orang pelajar lemah. Setiap kumpulan perlu cuba fahami kandungan teks Arab yang diberikan dan menceritakan semula rumusan jalan ceritanya. Strategi meneka makna yang telah diajar boleh digunakan dalam aktiviti ini.

- ii) Aktiviti kedua diberi nama (مُعْجَمِي): Aktiviti ini juga dijalankan secara berkumpulan (empat orang pelajar) dengan gabungan dua orang pelajar cemerlang dan dua orang pelajar lemah. Pelajar perlu mengingat senarai 100 kosa kata Arab dalam kumpulan mengikut masa yang telah ditetapkan. Bagi menjimatkan masa, pelajar disarankan supaya membahagikan tugas menghafal kepada bahagian-bahagian tertentu. Strategi mengingat yang telah diperkenalkan sebelum aktiviti kedua ini boleh digunakan untuk membantu hafalan pelajar. Kemudian mereka perlu mencatatkan semula perkataan-perkataan tersebut membentuk kamus pada kertas mahjong yang disediakan.
- iii) Aktiviti ketiga diberi nama (الجَوَارُ بَيْنِي وَبَيْنَكَ): Aktiviti ini dijalankan secara berpasangan (dua orang pelajar) dengan gabungan seorang pelajar cemerlang dan seorang pelajar lemah. Setiap pasangan perlu membina 10 teks dialog perbualan lengkap berdasarkan tema “Makanan”. Kemudian, membentangkannya di hadapan kelas. Dalam aktiviti ketiga ini, strategi menggunakan kosa kata boleh digunakan untuk melancarkan rangka penulisan dialog.

Semasa berlangsung setiap aktiviti, pelajar digalakkan menggunakan strategi yang telah diajar oleh penceramah dan menjalankan proses metakognitif. Setelah selesai setiap aktiviti, pelajar akan menilai proses pembelajaran mereka dengan mengisi maklumat dalam jurnal refleksi. Seterusnya, setelah berakhir ketiga-tiga aktiviti pembelajaran yang dirancang, satu tinjauan dilakukan dengan mengedarkan set soalan soal selidik kepada pelajar. Set soal selidik ini mengandungi 23 item soalan yang menilai tahap kemahiran cara belajar pelajar sebelum dan selepas bengkel dijalankan. Penilaian kemahiran cara belajar ini terbahagi kepada dua aspek iaitu; a) kemahiran menggunakan strategi pembelajaran kosa kata (strategi mengetahui kosa kata, mengingat kosa kata dan menggunakan kosa kata) dan b) kemahiran menggunakan pendekatan metakognitif (merancang, memantau dan menilai). Set soal selidik ini dinilai berdasarkan skala likert lima mata iaitu (1) sangat rendah, (2) rendah, (3) sederhana, (4) tinggi dan (5) sangat tinggi. Tinjauan tahap kemahiran ini dapat membantu pengkaji mengenal pasti impak pelaksanaan bengkel seumpama ini terhadap pelajar dari segi peningkatan tahap kemahiran cara belajar yang diperkenalkan.

Hasil data yang diterima dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science 22* (SPSS 22) bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai keseluruhan dapatan kajian. Data yang telah dianalisis secara deskriptif ini digunakan bagi menentukan tahap kemahiran para pelajar bagi penggunaan strategi dan pendekatan metakognitif. Bagi membantu penentuan tahap kemahiran pelajar berdasarkan perkara-perkara tersebut, nilai min setiap item dirujuk kepada interpretasi skor min skala likert lima mata yang disediakan oleh Oxford (1990); tahap rendah (nilai min antara 1.0 hingga 2.4), tahap sederhana (nilai min antara 2.5 hingga 3.4), manakala tahap tinggi (nilai min antara 3.5 hingga 5.0). Dapatan analisis ini dapat mengenal pasti tahap kemahiran pelajar sebelum dan selepas bengkel bagi aspek tertentu secara terperinci berdasarkan item, kategori dan secara keseluruhan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini diperoleh melalui dua bahagian yang berbeza mengenai penilaian pelajar terhadap kemahiran mereka sebelum (pra) dan selepas (pasca) bengkel ini dijalankan. Bahagian-bahagian ini melibatkan Bahagian I (Kemahiran Strategi Pembelajaran Kosa Kata) dan Bahagian II (Kemahiran Metakognitif).

Demografi Responden

Dalam Jadual 1, seramai 32 orang pelajar terlibat sebagai peserta kajian. Mereka terdiri daripada lapan orang pelajar cemerlang dan lapan orang pelajar lemah bahasa Arab dari SMKA Jerlun. Seterusnya, dari SMKA Yan dan Sik pula, setiap sebuah sekolah melibatkan seramai empat orang pelajar cemerlang dan empat orang pelajar lemah bahasa Arab sebagai peserta kajian. Bagi SMKA Jerlun, bilangan peserta didapati lebih ramai kerana pelaksanaan bengkel dijalankan sebanyak dua kali pada sela masa yang berbeza bagi peserta yang berbeza dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden Kajian (N= 32)

Nama Sekolah	Pelajar cemerlang		Pelajar Lemah	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
SMKA Jerlun	4	4	4	4
SMKA Yan	2	2	2	2
SMKA Sik	2	2	2	2

Penilaian Kemahiran Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata***Kemahiran Penggunaan Strategi Berdasarkan Item***

Dapatan analisis kemahiran strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab pelajar berdasarkan item ini menunjukkan terdapat peningkatan kemahiran berdasarkan nilai min sebelum dan selepas bengkel (Rujuk Jadual 2). Bagi strategi mengetahui makna kosa kata (item A1-A4), terdapat peningkatan kemahiran dari tahap sederhana kepada tinggi selepas bengkel apabila pelajar mengakui mereka semakin berkemampuan meneka perkataan baru berdasarkan konteks teks, klu atau kata kunci yang dijumpai serta berbantuan kemahiran sedia ada. Selain itu, pelajar juga didapati semakin bertambah kemahiran dari segi menentukan struktur perkataan semasa proses meneka makna perkataan berlaku dengan membezakan sama ada kata akar atau terdapat penambahan pada awalan ataupun akhiran perkataan.

Bagi strategi mengingat kosa kata (item A5-A9) pula, para pelajar dilaporkan meningkat kemahiran mereka bagi setiap item sama ada melalui melukis gambar, simbol dan ikon, menulis berulang kali, menyebut dan menulis berulang kali secara serentak, membayangkan gambaran perkataan, menggambarkan ejaan atau tulisan sesuatu perkataan. Berdasarkan kelima-lima item strategi mengingat kosa kata ini, hanya satu item didapati digunakan pada tahap tinggi sebelum dan selepas bengkel iaitu menyebut dan menulis perkataan berulang kali secara serentak (item A7). Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan kemahiran pelajar menggunakan strategi mengingat ini lebih tinggi berbanding strategi mengingat yang lain sebelum bengkel. Meskipun terdapat peningkatan pada kemahiran menggunakan item A7 selepas bengkel, pelajar didapati lebih selesa menggunakan strategi menulis perkataan berulang kali sahaja untuk mengingat kosa kata (item A6). Fokus penggunaan pada satu strategi tanpa menggabungkan aktiviti yang lain mungkin lebih selesa digunakan bagi menjimatkan masa mengingat. Dari sudut yang lain, tidak hairanlah strategi ini digunakan pada tahap lebih tinggi kerana Kamaruddin dan Baharudin (2017) menyatakan penggunaan strategi pengulangan dengan menulis perkataan baharu ini sememangnya sedia diketahui oleh pelajar dan dikatakan bersifat tradisional.

Seterusnya, strategi menggunakan kosa kata (item A10-A13) pula adalah berkaitan kebolehan pelajar dalam mencari contoh ayat bagi perkataan baharu, membina ayat pelbagai bentuk (ringkas, sederhana dan kompleks), menyebut sesuatu ungkapan dengan cara berbeza melalui

ungkapan kreatif ataupun penjelasan makna ringkas yang menerangkan kosa kata sebenar. Terdapat peningkatan kemahiran pelajar bagi keempat-empat item strategi menggunakan kosa kata ini sehingga ke tahap tinggi selepas bengkel. Walau bagaimanapun, satu item didapati digunakan pada tahap rendah ($M = 2.41$) iaitu item A12 “Saya berkebolehan menyebut sesuatu ungkapan dengan cara yang berbeza melalui ungkapan kreatif”. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan para pelajar tidak biasa ataupun belum pernah terdedah kepada penggunaan strategi yang unik ini sebelum bengkel. Walaupun terdapat peningkatan kemahiran bagi penggunaan strategi ini pada tahap tinggi, namun tahap kemahiran penggunaannya berada pada tahap hampir kepada sederhana dengan nilai min 3.59 sahaja. Pendedahan penggunaan strategi ini merupakan inspirasi daripada strategi tampungan yang diperkenalkan oleh Oxford (1990). Dengan menggunakan strategi ini, pelajar dapat mengatasi batasan pengetahuan kosa kata melalui pendekatan yang berbeza tetapi mencapai makna kandungan yang ingin disampaikan. Justeru, penggunaan strategi ini perlu diketengahkan dalam kalangan pelajar di peringkat awal pembelajaran supaya mereka dapat meningkatkan keyakinan diri menggunakan bahasa Arab meskipun dalam keadaan kekurangan kosa kata.


Jadual 2: Tahap Kemahiran Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Berdasarkan Item (N=32)

Item Strategi Pembelajaran Kosa Kata Mengikut Kategori (13 item)	Sebelum Bengkel			Selepas Bengkel		
	Min	SP	Tahap	Min	SP	Tahap
Strategi memahami makna kosa kata						
A1-Saya mampu meneka perkataan baru berdasarkan konteks teks.	2.50	0.88	Sederhana	4.03	0.65	Tinggi
A2-Saya mampu meneka perkataan baru berdasarkan klu yang saya jumpa.	2.75	0.98	Sederhana	4.16	0.63	Tinggi
A3-Saya berupaya menggunakan pengetahuan sedia ada untuk meneka makna sesuatu perkataan baru.	2.69	1.12	Sederhana	4.19	0.69	Tinggi
A4-Saya mampu menentukan struktur perkataan (awalan, akar dan akhiran) semasa meneka sesuatu perkataan baru dan maknanya.	2.88	0.98	Sederhana	4.13	0.71	Tinggi
Strategi mengingat kosa kata						
A5-Saya mampu mengingat dengan melukis gambar, simbol dan ikon ketika mengambil nota.	2.97	1.06	Sederhana	4.25	0.51	Tinggi
A6-Saya mampu mengingat dengan menulis perkataan berulang kali.	3.44	1.05	Sederhana	4.53	0.57	Tinggi
A7-Saya mampu mengingat dengan menyebut dan menulis perkataan berulang kali secara serentak.	3.50	1.02	Tinggi	4.25	0.80	Tinggi
A8-Saya mampu mengingat dengan membayangkan gambar bagi sesuatu perkataan baharu.	3.19	1.03	Sederhana	4.09	0.64	Tinggi

A9-Saya mampu mengingat dengan menggambarkan ejaan atau tulisan sesuatu perkataan.	3.38	1.16	Sederhana	4.25	0.76	Tinggi
Strategi menggunakan kosa kata						
A10-Saya berkebolehan mencari contoh ayat bagi perkataan baharu.	2.69	0.93	Sederhana	3.78	0.83	Tinggi
A11-Saya berkebolehan membina ayat mudah, sederhana dan susah dengan menggunakan perkataan baharu.	2.75	1.22	Sederhana	3.94	0.84	Tinggi
A12-Saya berkebolehan menyebut sesuatu ungkapan dengan cara yang berbeza melalui ungkapan kreatif.	2.41	1.04	Rendah	3.59	0.84	Tinggi
A13-Saya berkebolehan menyebut sesuatu ungkapan dengan cara yang berbeza melalui penjelasan makna ringkas kosa kata.	2.72	1.17	Sederhana	3.84	0.81	Tinggi

Kemahiran Penggunaan Strategi Berdasarkan Kategori

Berdasarkan kategori kemahiran penggunaan strategi dalam Rajah 1, para pelajar didapati lebih mahir menggunakan strategi mengingat kosa kata, diikuti oleh strategi memahami makna dan menggunakan kosa kata sama ada sebelum mahupun selepas bengkel. Tahap kemahiran penggunaan setiap kategori strategi ini meningkat daripada tahap sederhana kepada tahap tinggi. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan pelajar lebih cenderung menggunakan strategi untuk tujuan mengingat kosa kata dan kurang mempelbagaikan cara untuk memahami makna perkataan secara sendiri ataupun menggunakan kosa kata secara praktikal untuk membentuk ayat ataupun ungkapan tertentu.




Rajah 1: Kemahiran Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Sebelum Dan Selepas Bengkel Berdasarkan Kategori (N= 32 pelajar)

Laporan dapatan ini selari dengan kajian Kamaruddin dan Baharudin (2017) yang menunjukkan pelajar kajian mereka juga paling kerap menggunakan strategi mengingat atau hafalan berbanding strategi yang lain. Dalam kajian tersebut, turut dilaporkan bahawa pelajar cemerlang didapati lebih mempelbagaikan penggunaan strategi berbanding pelajar lemah yang cenderung kepada penggunaan strategi mengingat berbanding strategi yang lain. Dari sudut yang lain, Biwer et al. (2020) menyatakan pelajar akan lebih berminat menggunakan sesuatu

strategi yang efektif apabila mereka menyadari keberkesanan penggunaannya. Justeru, pendedahan penggunaan strategi yang efektif dalam menyelesaikan sesuatu masalah perlu diketengahkan untuk menggalakkan penggunaan strategi tersebut dengan lebih kerap dalam kalangan pelajar tidak kira cemerlang, sederhana mahupun lemah.

Kemahiran Penggunaan Strategi Secara Keseluruhan

Secara keseluruhannya, tahap kemahiran pelajar bagi strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab juga meningkat setelah pelaksanaan bengkel dengan nilai min sebelum bengkel 2.91 (tahap sederhana) kepada 4.08 (tahap tinggi) selepas bengkel sebagaimana Rajah 2. Peningkatan ini jelas menunjukkan terdapat peningkatan kemahiran belajar yang positif dalam kalangan pelajar apabila mereka diberi peluang mempelajari teori dan mempraktikkannya secara langsung semasa bengkel.



Rajah 2: Kemahiran Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Sebelum dan Selepas Bengkel Secara Keseluruhan (N= 32 Pelajar)

Penilaian Kemahiran Penggunaan Pendekatan Metakognitif

Kemahiran Penggunaan Pendekatan Metakognitif Berdasarkan Item

Kajian ini mendapati tahap kemahiran pelajar menggunakan pendekatan metakognitif berkembang secara positif. Kemahiran pelajar yang dinilai bagi 10 item kemahiran menggunakan pendekatan metakognitif menunjukkan peningkatan dari tahap sederhana kepada tahap tinggi selepas bengkel (Rujuk Jadual 3). Dari segi kemahiran merancang (item B1-B3), pelajar didapati semakin bijak menetapkan matlamat pembelajaran untuk meningkatkan pengetahuan kosa kata, menentukan keutamaan kosa kata yang perlu dikuasai dan memperuntukkan masa tertentu bagi menyelesaikan aktiviti pembelajaran kosa kata. Bagi kemahiran memantau (item B4-B7) pula, pelajar didapati semakin bijak dalam aktiviti pembelajaran kosa kata bahasa Arab dengan memantau kemajuan sendiri, proses pembelajaran secara berterusan, keselarian kemajuan pembelajaran dengan matlamat awal yang ditetapkan, selain mencuba pelbagai cara untuk menguasai kosa kata.

Kemahiran metakognitif yang melibatkan proses penilaian (item B8-B10) pula menunjukkan pelajar semakin berkemahiran menilai kelebihan dan kekurangan mereka dalam menyempurnakan aktiviti pembelajaran. Mereka didapati dapat menentukan kelebihan dan kekurangan dalam pembelajaran kosa kata, menilai kembali sebab sesuatu aktiviti menjadi mudah atau sukar serta mencadangkan penambahbaikan yang sesuai pada masa hadapan. Dengan itu, proses penilaian ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membuat penambahbaikan yang sesuai mengikut keperluan pelajar pada masa hadapan. Qizi (2025) melaporkan pelajar yang melakukan refleksi pada perkembangan pembelajaran sendiri kebiasaannya menggunakan strategi dengan tujuan tertentu. Justeru, tidak mustahil proses

refleksi melalui penilaian proses pembelajaran di akhir setiap aktiviti bahasa yang dijalankan dapat membantu pelajar membuat penambahbaikan pada penggunaan strategi yang akan digunakan bagi menyelesaikan sesuatu masalah.


**Jadual 3: Tahap Kemahiran Penggunaan Pendekatan Metakognitif
Berdasarkan Item (N=32)**

Item Pendekatan Metakognitif	Sebelum Bengkel			Selepas Bengkel		
	Min	SP	Tahap	Min	SP	Tahap
Perancangan						
B1-Saya menetapkan matlamat yang jelas untuk meningkatkan pengetahuan kosa kata.	2.81	1.18	Sederhana	4.25	0.67	Tinggi
B2-Saya menentukan perkataan mana yang penting untuk dipelajari.	3.16	1.25	Sederhana	4.44	0.67	Tinggi
B3-Saya memperuntukkan masa tertentu menyelesaikan sesuatu aktiviti pembelajaran kosa kata.	2.78	1.16	Sederhana	4.06	0.67	Tinggi
Pemantauan						
B4-Saya memikirkan kemajuan sendiri dalam mempelajari kosa kata bahasa Arab.	3.00	1.05	Sederhana	4.28	0.73	Tinggi
B5-Saya memantau proses pembelajaran kosa kata dari semasa ke semasa.	2.72	0.99	Sederhana	4.19	0.59	Tinggi
B6-Saya memantau kemajuan pembelajaran kosa kata selari dengan matlamat awal yang telah ditetapkan.	2.87	0.89	Sederhana	4.00	0.62	Tinggi
B7-Saya terus mencuba pelbagai cara untuk menguasai kosa kata.	3.04	0.90	Sederhana	4.50	0.57	Tinggi
Penilaian						
B8-Saya memikirkan kelebihan dan kekurangan dalam menyempurnakan setiap aktiviti pembelajaran kosa kata.	3.00	0.92	Sederhana	4.42	0.50	Tinggi
B9-Saya menilai kembali sebab sesuatu aktiviti pembelajaran kosa kata mudah atau sukar dilaksanakan.	2.79	0.80	Sederhana	4.42	0.56	Tinggi
B10-Saya memikirkan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk aktiviti yang sama pada masa hadapan.	3.00	1.08	Sederhana	4.50	0.51	Tinggi

Kemahiran Penggunaan Pendekatan Metakognitif Berdasarkan Kategori

Berdasarkan Rajah 3, tahap kemahiran penggunaan pendekatan metakognitif pelajar didapati meningkat bagi ketiga-tiga kategori iaitu perancangan (nilai min sebelum= 2.92, nilai min selepas= 4.25), pemantauan (nilai min sebelum= 2.91, nilai min selepas= 4.24) dan penilaian

(nilai min sebelum= 2.93, nilai min selepas= 4.44). Jika diperhatikan, ketiga-tiga kategori bagi pendekatan metakognitif ini digunakan pada tahap lebih kurang sama sebelum bengkel. Namun demikian setelah bengkel, kemahiran penilaian didapati lebih banyak peningkatannya jika dibandingkan dengan kemahiran merancang dan memantau. Pelajar nampaknya lebih cenderung untuk menilai proses pembelajaran di akhir pembelajaran berbanding proses yang lain selepas bengkel.




Rajah 3: Kemahiran Penggunaan Pendekatan Metakognitif Sebelum dan Selepas Bengkel Berdasarkan Katagori (N= 32 Pelajar)

Dapatan kajian ini yang menunjukkan pelajar cenderung kepada kemahiran penilaian tidak selari dengan kajian Wallace (2021) kerana pelajar kajian beliau didapati lebih cenderung menggunakan kemahiran pemantauan berbanding perancangan dan penilaian. Dapatan kajian ini mungkin berbeza dengan kajian tersebut disebabkan pelajar kajian ini diperingatkan untuk membuat refleksi setelah selesai setiap aktiviti. Maka, berkemungkinan kemahiran penilaian lebih kerap digunakan di akhir proses pembelajaran kerana pelajar menyedari keperluan menilai perkembangan pembelajaran sendiri berbanding aspek perancangan dan pemantauan. Oleh itu, kemahiran perancangan dan pemantauan ini perlu sentiasa dilatih dan diperingatkan sepanjang menjalankan aktiviti pembelajaran untuk memastikan pelajar membiasakan diri dengan kemahiran baharu dan mendapat impak yang lebih maksimal.

Kemahiran Penggunaan Pendekatan Metakognitif Secara Keseluruhan

Dapatan tahap kemahiran metakognitif pelajar secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan daripada tahap sederhana sebelum bengkel dengan nilai min 2.92 kepada tahap tinggi selepas bengkel dengan nilai min 4.31 (Rujuk Rajah 4). Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan pelajar telah dipupuk dengan kesedaran metakognitif apabila mereka menyedari tahap perkembangan pembelajaran kosa kata sendiri. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Qizi (2025), pendekatan metakognitif ini dapat membantu pelajar mengimbas dan menyesuaikan penggunaan strategi dengan lebih efektif mengikut keadaan.



Rajah 4: Kemahiran Penggunaan Pendekatan Metakognitif Sebelum dan Selepas Bengkel Secara Keseluruhan (N= 32 Pelajar)

Kesimpulan dan Cadangan

Bengkel peningkatan kosa kata bahasa Arab yang dilaksanakan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sekitar negeri Kedah dilihat memberi impak positif kepada pelajar dan proses pembelajaran kosa kata mereka. Hal ini dapat dilihat apabila tahap kemahiran pelajar menggunakan strategi dan pendekatan metakognitif berdasarkan item, kategori dan secara keseluruhan dilaporkan berada pada tahap tinggi selepas pelaksanaan bengkel. Secara khususnya, para pelajar yang mengikuti bengkel ini didapati dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan strategi pembelajaran kosa kata untuk memahami makna, mengingat dan menggunakan kosa kata bahasa Arab. Walau bagaimanapun, strategi mengingat lebih mahir digunakan oleh pelajar berbanding strategi memahami makna dan menggunakan kosa kata. Justeru, pelajar perlu didedahkan kepada penggunaan strategi pembelajaran yang pelbagai dan tidak tertumpu pada sesuatu strategi mengingat sahaja bagi membolehkan mereka mengetahui strategi pembelajaran yang efektif dan sesuai untuk membantu peningkatan kosa kata secara sendiri. Pendedahan penggunaan sesuatu strategi belajar melalui kaedah tunjuk cara dalam aktiviti bahasa dapat mengukuhkan kefahaman pelajar mengenai cara menggunakan sesuatu strategi dengan lebih efektif.

Melalui pendekatan metakognitif pula, pengetahuan dan kemahiran belajar turut meningkat melalui proses perancangan, pemantauan dan penilaian sepanjang proses pembelajaran kosa kata berlangsung. Namun demikian, pelajar nampaknya lebih mahir menggunakan kemahiran menilai berbanding merancang dan memantau. Memandangkan pelajar lebih tertumpu pada proses penilaian di akhir pembelajaran, maka kemahiran merancang dan memantau perkembangan pembelajaran perlu ditekankan pada masa akan datang supaya pelajar lebih peka terhadap proses pembelajaran dari awal sehingga akhir pembelajaran selain dapat membuat pengubahsuaian strategi yang dapat membantu pembelajaran dengan lebih cepat. Oleh itu, pelajar perlu diberi kesedaran mengenai matlamat pembelajaran dari awal proses pembelajaran supaya mereka dapat membuat penyesuaian perancangan, pemantauan dan penilaian terhadap kemajuan pembelajaran sendiri secara berkala.

Dengan meningkatnya kemahiran belajar secara sendiri, diharapkan para pelajar akan menjadi lebih bertanggungjawab dan berdikari untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dari semasa ke semasa dengan lebih cemerlang. Dengan itu, pelaksanaan program seumpama ini wajar diteruskan pada masa-masa akan datang dengan percubaan yang lebih meluas kepada skala peserta yang lebih ramai. Walau bagaimanapun, perancangan rapi perlu dilakukan memandangkan bengkel seumpama ini agak memakan masa dan tenaga untuk pemantauan yang menyeluruh bagi memastikan aspek teori dan aplikasi difahami dengan baik oleh setiap

peserta bengkel. Selain itu, perancangan rapi perlu dilakukan bagi menjamin kualiti hasil pembelajaran kerana pelajar dalam bilangan yang ramai bukan sahaja perlu dipantau kefahaman mereka, bahkan tahap penyerapan kemahiran belajar yang dikuasai juga perlu diperhatikan semasa aktiviti praktikal bengkel berlangsung. Akhirnya, dicadangkan supaya pelbagai kajian pengajaran strategi seumpama ini diperbanyakkan di pelbagai peringkat pengajian memandangkan pelaksanaannya dapat membantu untuk meningkatkan kemahiran belajar kosa kata Arab para pelajar.

Penghargaan

Pasukan penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia yang membiayai penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Ruj: FRGS/1/2022/SS109/UITM/03/1). Penghargaan juga diberikan kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA serta pihak sekolah yang terlibat kerana menyokong penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdullah, W. A. I. W., & Bakar, K. A. (2022). Penguasaan kosa kata menerusi dimensi saiz dan pengukuran kosa kata Bahasa Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(1), 132-144.
- Aluwi, A. M., & Ghani, M. T. A. (2023). Penguasaan kosa kata terhadap penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian daripada perspektif guru. *Sains Insani*, 8(2), 294-303. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no2.573>
- Anderson, N. J. (2002). The role of metacognition in second language teaching and learning. *ERIC Digest*, 1(10), 2-5.
- Baharudin, H. (2014). *Strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia* (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Baharudin, H., & Ismail, Z. (2016). *Konsep dan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharudin, H., Ismail, Z., & Rahimi, N. M. (2017). Pembinaan ujian tahap saiz kosa kata Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 13-19.
- Bassous, T. S. (2019). *Lebanese elementary teachers' perceptions about metacognitive skills for students with learning disabilities*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Walden University.
- Biwer, F., Oude Egbrink, M. G., Aalten, P., & De Bruin, A. B. (2020). Fostering effective learning strategies in higher education—A mixed-methods study. *Journal of Applied Research in Memory and Cognition*, 9(2), 186-203.
- Fatdha, S. E., & Wahyuni, D. S. (2018). Rancangan multimedia interaktif untuk penguasaan vocabulary bahasa Inggeris. *Jurnal Teknologi Dan Open Source*, 1(2), 75-82.
- Fu'adah, S. (2021). Penggunaan strategi mind mapping dalam pembelajaran kosakata bahasa Arab. *Lahjah Arabiyah: Jurnal Bahasa Arab Dan Pendidikan Bahasa Arab*, 2(1), 30-39. <https://doi.org/10.35316/lahjah.v2i1.30-39>
- Ghasemi, A. A., Yazdani, H. & Mozaheb, M. A. (2019). The role of metacognitive strategy training in fostering vocabulary acquisition: The case of Iranian EFL learners. *Learning and Teaching in Higher Education: Gulf Perspectives*, 16(1), 45-57. <https://doi.org/10.18538/lthe.v16.n1.331>

- Girma, Y., Tesema, E. M., & Berhanu, Y. W. (2025). Assessing university students' self-reported vocabulary learning strategy use. *Journal of Learning Theory and Methodology*, 6(1), 17-23.
- Hunt, A., & Beglar, D. (2005). A framework for developing EFL reading vocabulary. *Reading in a Foreign Language*, 17(1), 23-59.
- Jaili, H., & Hamdan, N. M. (2023). Strategi pengajaran mufradat (kosa kata) bahasa Arab di sekolah-sekolah agama negara Brunei Darussalam. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 5(1), 84-101. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v5i1.132>
- Jamil, N., Rahim, N. A. A., & Abdullah, S. (2020). Penguasaan kosa kata dalam komunikasi bahasa asing. *Journal of Human Development and Communication*, 9, 99-108.
- Kamaruddin, N. N. A., & Baharudin, H. (2017). Strategi Pembelajaran kosa kata dan penguasaan pengetahuan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar STAM. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 64-73.
- Khatib, K. M., & Zainal, H. (2018). Penguasaan kata nama dan kata kerja Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 69-79.
- Maskor, Z. M., & Baharudin, H. (2020). Empowering student engagement in L3 through text chat discussion. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(3), 291-313.
- Ngalawi, A. C., & Zainal, H. (2020). Kajian literatur saiz kosa kata Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 157-169.
- Masnun, M., Hanifansyah, N., & bin Khalid, S. M. S. (2024). Senior Teaches Junior (STJ) approach in enhancing Arabic vocabulary through Kitab Af'al: A case study in Malaysia. *Arabi: Journal of Arabic Studies*, 9(2), 131-142. <http://dx.doi.org/10.24865/ajas.v9i2.851>
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Boston: Heinle & Heinle.
- Pisal, N. A. (2016). *Hubungan penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa dan kepercayaan terhadap pembelajaran bahasa dengan pencapaian bahasa Arab*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Pisal, N. A., Chulan, M., Ismail, U. S., Ismail, N., & Rahman, N. L. A. (2024). Vocabulary learning strategies among malaysian Arabic foreign language learners with different gender. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 7(2), 629-643. <https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v7i2.22983>
- Rahman, H. A. (2020). *Strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia di Kelantan*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Razak, Z. R. A., & Samah, R. (2018). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi: Permasalahan dan strategi pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(2), 61-70.
- Samah, R., Isahak, A., Nathir, K. A. M., Majid, M. Y. A., Nawawi, M. A. A. M., & Ahmad, H. (2023). Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam bidang sastera dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 64-77.
- Qizi, M. Z. Z. (2025). How bilingualism shapes personality and thought patterns: The relationship between metacognition and language learning strategies. *International journal of Science and Technology*, 2(7), 39-41. <https://doi.org/10.70728/tech.v2.i07.0013>

- Wallace, M. P. (2021). Exploring the relationship between L2 listening and metacognition after controlling for vocabulary knowledge. *Journal of Language and Education*, 7(3), 103-116. <https://doi.org/10.17323/jle.2021.12685>